

Tanam anak pokok di enam kawasan serentak

SERDANG – Universiti Putra Malaysia (UPM) akan mengadakan program menanam 10,000 anak pokok bersama pelajar baharu dalam Program Penanaman Pokok Mega dianjurkan pagi ini.

Pegawai Media Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi UPM, Khairul Anuar Muhamad Noh berkata, program bermula jam 8 pagi turut

disertai golongan asnaf di universiti berkenaan.

Menurutnya, program penanaman anak pokok itu ke arah menjadikan UPM sebagai Taman Botani. Ia melibatkan enam kawasan serentak di kampus Serdang dan kampus cawangan Bintulu.

“Kawasan terlibat di Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Fakulti Ekologi Manusia, Pejabat Putra

International, Kolej 10 dan 11, Kolej 17 serta UPM Kampus Bintulu.

“Program terbabit juga bertujuan memupuk kesedaran menghijaukan kampus yang merupakan tanggungjawab bersama,” katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini.

Kata beliau jenis pokok yang akan ditanam termasuk Tabebuia, Karas dan Hibiscus.